



Asian Social Work Journal (ASWJ)

Volume 3, Issue 1, March 2018

e-ISSN : 0128-1577

Journal home page:
www.msocialwork.com

Keperluan dan Kesiapsiagaan Sukarelawan Membantu Mangsa Bencana Alam

Nur Hafizah Md Akhir¹, Azlinda Azman¹, Noremy Md Akhir¹

¹Universiti Sains Malaysia (USM)

Correspondence: Nur Hafizah Md (nurhafizahmd.akhir@yahoo.com)

Abstrak

Kertas konsep ini membincangkan tentang keperluan sukarelawan bencana dalam usaha meningkatkan kesiapsiagaan membantu mangsa bencana alam. Bencana adalah kejadian yang boleh menyebabkan kemusnahan harta benda dan nyawa sehingga membataskan kemampuan dan kesejahteraan individu atau masyarakat. Hampir setiap tahun bencana alam seperti tanah runtuh, tsunami, banjir dan ribut taufan berlaku. Antara negara yang terjejas disebabkan oleh bencana alam ialah Jepun, Indonesia, Thailand dan Malaysia. Sukarelawan adalah kumpulan yang menguruskan bantuan kemanusiaan kepada mangsa bencana. Keperluan sukarelawan yang dikenalpasti perlu dinilai untuk membantu melancarkan proses pengurusan bantuan bencana. Hal ini kerana aspek penting yang perlu dinilai dalam pengurusan bencana adalah perancangan, pengurusan operasi dan latihan bencana. Manakala kesediaan bencana pula sebagai perancangan sistematik dalam usaha bertindakbalas kepada situasi bencana, ia juga dikatakan sebagai persiapan yang perlu dilakukan kepada mereka yang terlibat dalam bantuan bencana iaitu sukarelawan. Keprihatinan terhadap aspek ini akan membantu fizikal dan mental ahli sukarelawan lebih aktif, positif dan yakin ketika memberikan bantuan. Oleh itu, kertas konsep ini akan membincangkan keperluan sukarelawan bencana dari pelbagai sudut dan pandangan bagi membantu meningkatkan kesiapsiagaan sukarelawan serta meningkatkan keberkesanan sepanjang proses bantuan diberikan kepada mangsa bencana.

Kata kunci: sukarelawan bencana, bencana alam, kesiapsiagaan

The Volunteer's Needs and Preparedness in Assisting Natural Disaster Victims

Abstract

This paper is discusses about volunteers' needs in order to increase the preparedness in assisting natural disasters victims. Disasters are phenomenon that causes damage in properties and lives that limit individuals or societies' abilities and well-being. Natural disasters such as landslides, tsunami, flood and typhoon happen almost every year. These natural disasters affect certain countries such as Japan, Indonesia, Thailand and Malaysia. The volunteers are the one who manage the humanitarian aids to the victims. The needs of the volunteers that been identified need to be evaluated in order to help to expedite the disaster relief management process. This is because the important aspects that need to be evaluated are planning, operational management and disaster training. Meanwhile, disaster preparedness represent as systematic planning in response to the disaster situation that needs to be done to those involved in disaster relief i.e volunteers. The concern on this aspect will help volunteer to be more active, positive and confident, in both physically and mentally when providing helps. Therefore, this concept paper will discusses volunteers' needs in various perspectives and opinions in order to

help in increasing the preparedness in assisting natural disasters victims, as well as increase the effectiveness throughout the relief process.

Key words: disaster volunteers, natural disaster, preparedness

Pengenalan

Menurut Majlis Keselamatan Negara (MKN) (2008), bencana didefinisikan sebagai kejadian yang berlaku secara mengejut, bersifat kompleks yang mengakibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda dan alam sekitar serta mengganggu aktiviti harian sesebuah komuniti. Selain itu, bencana alam juga merupakan peristiwa bencana diluar kemampuan manusia yang berlaku disebabkan oleh alam semulajadi seperti banjir, tanah runtuh dan banjir lumpur (Ibrahim & Fakhru'l-Razi, 2006). Menurut Atsumi dan Goltz (2014), sejak tahun 1995, Jepun adalah negara yang berpengalaman mengalami bencana alam iaitu gempa bumi Tohoku dan Tsunami pada 11 Mac 2011, kejadian ini telah mengorbankan hampir 20,000 nyawa dan melibatkan kos paling tinggi dalam sejarah dunia. Selain itu, Hat Yai Thailand juga pernah melalui pengalaman bencana banjir berikutan hujan lebat pada November tahun 2000, mengakibatkan kira-kira 32 orang mangsa terkorban manakala 1,700 orang mangsa cedera dan mengalami kerosakan harta benda (Assanangkornchai, Tangboonngam, & Edwards, 2004). Tambahan pula, Indonesia juga antara negara yang berisiko mengalami bencana alam, dua bencana yang pernah berlaku di Indonesia adalah tsunami di Aceh pada Disember tahun 2004 dan gempa bumi di Yogyakarta pada Mei tahun 2006 (Pascapurnama et al., 2016). Selain itu, Malaysia tidak terkecuali mengalami peristiwa bencana iaitu sejak tahun 1993 sehingga 2004, Malaysia telah mengalami 19 bencana alam yang menyebabkan 1,460 kematian dan 821 kecederaan (Ibrahim & Fakhru'l-Razi, 2006). Berdasarkan statistik daripada Agensi Pengurusan Bencana (2017), statistik mengikut jenis bencana daripada tahun 2012 sehingga 2016 menunjukkan banjir adalah antara bencana yang tertinggi berlaku di Malaysia, diikuti dengan tanah runtuh, taufan dan yang terendah banjir kilat. Menurut Dobashi et al., (2014), bantuan bencana ialah aktiviti yang melibatkan bantuan menyelamatkan, mencari mangsa yang hilang, memindahkan mayat mangsa dan bantuan pemulihan. Sukarelawan pula adalah kumpulan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, demografi dan kerjaya yang mempunyai tahap latihan serta pengalaman yang berbeza dalam bantuan bencana (Cristea et al., 2014).

Keperluan Sukarelawan Bencana

Kesan daripada peningkatan bilangan mangsa bencana telah memberi jangkakan bahawa keperluan bantuan kemanusiaan perlulah berterusan (Shazwani & Mohamad, 2016). Sebagaimana yang ditekankan oleh Michel (2007), adalah penting tugas sukarelawan menyumbang masa, kemahiran dan sumber untuk membantu mereka yang memerlukan. Keperluan sukarelawan yang dibincangkan dalam konsep kertas ini adalah berdasarkan permasalahan yang dilalui oleh sukarelawan sepanjang proses bantuan bencana. Keperluan tersebut akan dibincangkan berdasarkan kajian literatur seperti berikut:

Program latihan organisasi bencana sering menekankan keperluan pengurusan bencana dan penglibatan sukarelawan yang efektif (Adams, 2007). Hal ini kerana bencana adalah situasi khas yang memerlukan sokongan psikologi yang tidak hanya terhad kepada mangsa tetapi juga golongan sukarelawan (Rabiei, Nakhaee, & Pourhosseini, 2014). Sebagai contoh, yang dinyatakan oleh Norizan (2016), peranan sebagai sukarelawan kaunselor dan psikologi amat penting dalam situasi bencana, maka keperluan pengetahuan dan kemahiran pengurusan aspek psikologi yang berkesan perlu dititikberatkan sebelum memberi bantuan terhadap mangsa. Menurut Rabiei et al., (2014), organisasi bencana yang tidak mampu memberi kemahiran psikologi kepada sukarelawan akan memburukkan lagi masalah kesihatan mental yang dialami mangsa bencana. Walau bagaimanapun, pengkaji melihat organisasi yang tidak mampu memberi kemahiran psikologi kepada sukarelawan juga turut akan memberi kesan kepada emosi sukarelawan itu sendiri kerana mereka sebagai penyelamat yang berada di kawasan bencana berpotensi mengalami gangguan emosi dan psikologi.

Selain itu, menurut Rabiei et al., (2014), keperluan pengetahuan dan kefahaman yang kurang berkaitan sokongan psikologi juga akan menyebabkan peningkatan masalah mental dikalangan mangsa dan sukarelawan bencana. Dalam kajian yang dijalankan oleh Thormar et al., (2013) sukarelawan memerlukan bantuan sokongan daripada organisasi, hal ini kerana kekurangan sokongan boleh menyumbang kepada faktor kemurungan dikalangan sukarelawan. Oleh itu, keperluan sokongan melalui pemahaman faktor-faktor yang menyebabkan gangguan psikologi semasa proses bantuan bencana perlu dilakukan untuk membantu mengurangkan tekanan sukarelawan (Brooks et al., 2015).

Seterusnya, peristiwa bencana yang tidak dijangka sukar untuk dikendalikan sekiranya berlaku kekurangan keperluan bantuan khusus seperti perkhidmatan kesihatan mental (Rabiei et al., 2014). Hal ini kerana pemulihan selepas bencana bukan sahaja melibatkan pembinaan semula infrastruktur dikawasan yang terjejas, tetapi juga melibatkan proses pemulihan semula kehidupan mangsa selepas bencana (Kako & Ikeda, 2009). Menurut Tillman (2016), keperluan bantuan latihan khusus tindakbalas dan penjagaan mangsa akan membantu sukarelawan memperkukuhkan kemahiran dan kepakaran sedia ada. Oleh itu, dalam konteks bencana yang besar organisasi sukarelawan perlu mengenalpasti keperluan sumber, intervensi, dan latihan yang bersesuaian dikalangan sukarelawan (Carlile et al., 2014). Keperluan yang dikenalpasti juga mampu membantu kesediaan sukarelawan terutama sekali dari sudut pengendalian emosi apabila membantu mangsa bencana.

Menurut Thormara et al., (2014), perhatian kepada kesihatan mental dan fizikal sukarelawan adalah aspek kritikal dalam agensi-agensi kemanusiaan. Disebabkan semakin ramai individu sukarela membantu dalam aktiviti bencana, keperluan terhadap pencegahan Critical Incident Stress (CIS) semakin diperlukan dikalangan sukarelawan (Okanoya et al., 2005). Hasil kajian yang dijalankan oleh Okanoya et al., (2005), menunjukkan tahap Critical Incident Stress (CIS) di kalangan sukarelawan yang menerima Pre-departure Psychoeducational Intervention (PEI) sebelum melibatkan diri dalam aktiviti bantuan bencana adalah lebih rendah berbanding mereka yang tidak menerima PEI. Selepas gempa bumi Great Hanshin, agensi pengurusan bencana di Jepun mula menyediakan pendidikan berkaitan CIS untuk mereka yang terlibat dalam aktiviti bantuan bencana (Okanoya et al., 2005). Berdasarkan kesan psikologi yang dialami sukarelawan dan mangsa, pengkaji melihat PEI dan CIS adalah elemen penting yang perlu dilakukan oleh setiap organisasi sukarelawan bencana kepada sukarelawan sebelum melibatkan diri dalam bantuan bencana bagi mengurangkan kesan psikologi yang dialami.

Seterusnya, sukarelawan jururawat dalam kajian Sloand et al., (2012), melaporkan sekiranya mereka diberi lebih banyak keperluan bekalan sumber bantuan, sama ada bantuan kemanusiaan, bekalan ubatan dan peralatan yang lengkap, mereka mampu mencegah dan mengurangkan kematian serta masalah lain. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Meyer et al., (2016), keperluan keberkesanan pelbagai bekalan sumber bantuan merupakan elemen penting yang perlu diberi perhatian oleh organisasi bencana. Tambah Hughes (2016), keperluan yang teratur dan mencukupi juga akan membantu memenuhi keperluan mangsa bencana. Oleh itu, keperluan latihan formal persediaan sumber bantuan akan meningkatkan keupayaan sukarelawan ketika berlakunya bencana (Merchant, Leigh, & Lurie, 2010).

Selain itu, menurut Merchant et al., (2010), sebelum melibatkan diri dalam bantuan bencana, sukarelawan memerlukan pemahaman jelas berkaitan tugas yang bakal di lakukan, keadaan kawasan bencana, dan tahap keselamatan. Hal ini kerana, menurut Goodman dan Black (2015), rawatan bencana turut meliputi penilaian terhadap kecederaan yang dialami mangsa bencana. Bantuan mencari dan menyelamatkan juga bukan sahaja melibatkan keselamatan mangsa tetapi sukarelawan penyelamat turut berada dalam keadaan yang merbahaya (McEntire, 2015). Oleh itu, keperluan komunikasi dan maklumat yang baik boleh membantu sukarelawan memahami situasi bencana, proses pemulihan bencana dan tindakan yang perlu dilakukan (David, Julia, & Douglas, 2012). Manakala keperluan latihan tindakbalas kesihatan dan keselamatan adalah sebagai langkah pencegahan dan persediaan sukarelawan semasa menyelamatkan mangsa bencana (Wildes et al., 2014).

Terdapat pelbagai kajian bencana berkaitan konflik, tindakbalas kecemasan dan persekitaran kompleks namun, kajian berkaitan keperluan latihan, amalan dan pengalaman sukarelawan dalam situasi konflik

kurang mendapat tumpuan (International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies, 2015). Tambahan pula, menurut Thormar et al., (2013), masih ramai komuniti sukarelawan yang kekurangan pengalaman, latihan dan persediaan dalam tindakbalas bencana. Ia bukan satu perkara yang mustahil untuk merancang reka bentuk program keperluan sukarelawan bencana menghadapi tekanan kerja. Malahan adalah menjadi sebahagian daripada budaya organisasi sukarelawan untuk memastikan kepentingan sukarelawan dalam organisasi (Kreutzer & Jager, 2011). Oleh itu, berdasarkan keperluan sukarelawan yang telah dinyatakan pengkaji melihat bahawa setiap keperluan memerlukan penilaian dan keutamaan kepada organisasi sukarelawan kerajaan mahupun bukan kerajaan untuk membantu meningkatkan kesediaan sukarelawan dari sudut psikologi, pengetahuan dan fizikal sebelum melibatkan diri dalam bantuan bencana.

Kesediaan Sukarelawan Bencana

Kesediaan merupakan elemen penting dalam membantu sukarelawan mempersiapkan diri untuk memikul tanggungjawab sepanjang proses bantuan bencana. Berdasarkan kajian berkaitan sukarelawan, perhatian kurang diberikan kepada kesan berisiko yang dialami sukarelawan dalam konteks sosial budaya (Atsumi & Goltz, 2014). Sedangkan kesan yang dialami oleh sukarelawan boleh mendorong kepada ketidaksiediaan sukarelawan dalam membantu proses pengurusan bantuan bencana.

Menurut Barbour dan Manly (2016), pengurusan tindakbalas sukarelawan merupakan bahagian penting yang dikaji dibawah persediaan bencana, tindakbalas bencana dan pemulihan bencana. Kesediaan adalah merupakan keadaan bersedia untuk bertindakbalas kepada ancaman alam sekitar (Perry & Lindell, 2003). Persediaan bencana mampu membentuk perancangan realistik yang berkesan, mengurangkan pertindihan bantuan dan meningkatkan keberkesanan usaha masyarakat kepada tindakbalas bencana (Azrina, 2016). Walau bagaimanapun, persediaan bencana adalah perkara yang sukar untuk dinilai kesempurnaannya kerana sifat bencana yang selalunya berlaku tanpa diduga (Seeger, 2006).

Seterusnya, menurut Kaya, Cavusoglu, Sen dan Calik (2014), pengurusan bencana adalah tugas menguruskan sumber untuk merancang dan melaksanakan aktiviti yang perlu dilakukan sebelum, semasa dan selepas bencana bagi tujuan mencegah dan mengurangkan kesan bencana. Selain itu, tugas utama pengurusan bencana yang komprehensif juga melibatkan empat elemen penting iaitu kesediaan, perlindungan, tindakbalas, pemulihan dan pencegahan (Kaya et al., 2014). Menurut Lammers dan Barbour (2006), rangka kerja organisasi adalah penting untuk kajian kesediaan kerana tumpuan akan diberikan kepada cara organisasi tersebut memikirkan tentang bencana dan ia boleh mewujudkan polisi kesediaan bencana. Corporation for National and Community Services United States (2017), menyatakan terdapat lima elemen pengurusan kesediaan sukarelawan iaitu:

- i. Perancangan program
- ii. Merekrut dan penempatan
- iii. Orentasi dan latihan
- iv. Penyeliaan dan pengiktirafan
- v. Penilaian program

Perancangan Program

Menurut Perry (2004), perancangan kesediaan meliputi semua aspek tindakbalas termasuklah sukarelawan, peralatan, isu-isu diluar jangkaan, isu-isu dasar dan perhubungan di antara organisasi dan kerajaan. Selain itu, perancangan program kesediaan bencana juga sering disamakan dengan perancangan tindakbalas bencana yang menumpukan isu-isu pengurangan risiko (Perry & Lindell, 2003). Sebagaimana yang dinyatakan oleh Kaya et al., (2014), mengenalpasti perancangan pengurusan sebelum dan selepas bencana akan membantu kesediaan dari sudut memahami definisi bahaya, menganalisis risiko, perancangan aktiviti, langkah intervensi dan pembangunan pengurusan. Oleh itu, proses perancangan program perlu dirancang dengan teliti dan jelas serta menghubungkan kesediaan dalam perancangan tersebut (Perry & Lindell, 2003).

Pemilihan dan Penempatan Sukarelawan

Menurut Grossman dan Furano (2000), antara perkara penting yang diperlukan untuk menjayakan kesediaan sukarelawan ialah dengan melakukan saringan dan pemilihan sukarelawan yang berpotensi untuk memastikan sukarelawan ditempatkan dalam bidang yang sesuai. Penyaringan berdasarkan tugas perlu melihat kepada faktor kemahiran, komitmen dan keselamatan (Grossman & Furano, 2000). Stukas, Worth, Clary dan Snyder (2009), membahagikan tiga kategori pengambilan sukarelawan yang berpotensi iaitu mereka yang bersedia untuk menjadi sukarelawan, mereka yang terbuka dan rela hati ingin menjadi sukarelawan dan mempunyai daya tahan yang tinggi dalam bidang sukarelawan. Menurut Segovia (2016), sukarelawan dapat memberikan perkhidmatan secara meluas namun profesion tertentu akan mempersiapkan individu tersebut untuk memberi perkhidmatan berdasarkan kepakaran mereka. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Rogstadius, Karapanos, Teixeira dan Kostakos (2013), walaupun ramai sukarelawan kurang mendapat latihan tindakbalas bencana, namun masih ada di antara mereka yang mempunyai kemahiran tertentu yang berguna untuk digunakan dalam tindakbalas bencana. Oleh itu, penyelarasan sukarelawan perlu memahami ciri-ciri dan kelayakan sukarelawan untuk mengenalpasti tugas yang bakal diberikan kepada sukarelawan (Grossman & Furano, 2000).

Orentasi dan Latihan Sukarelawan

Menurut Grossman dan Furano (2000), aspek penting yang diperlukan untuk menjayakan program kesediaan sukarelawan ialah dengan menyediakan sesi orientasi dan latihan kemahiran kepada sukarelawan. Menurut Nik, Sapora dan Husni (2014), latihan merupakan satu kepentingan bagi mereka yang melaksanakan perancangan kesediaan bencana. Dua jenis latihan kesediaan sukarelawan yang boleh digunakan adalah kandungan latihan iaitu bagaimana untuk melakukan tugas dan proses latihan iaitu bagaimana untuk bekerja dalam persekitaran yang baik (Grossman & Furano, 2000). Selain itu, sukarelawan dalam kajian Brand et al., (2008), turut mencadangkan latihan dan pendidikan kesediaan sukarelawan memerlukan tiga peringkat latihan iaitu latihan asas, latihan pertengahan dan latihan lanjutan. Oleh itu, organisasi yang ingin mengekalkan jumlah sukarelawan perlu melabur untuk mengiktiraf sukarelawan dengan memberi latihan kesediaan professional, mengenali sukarelawan dan menyesuaikan mereka dengan tugas organisasi (Hager & Brudney, 2004).

Penyeliaan dan Pengiktirafan Sukarelawan

Menurut Barbour dan Manly (2016), tugas utama penyelarasan dan strategi kesediaan yang konsisten adalah daripada pemantauan program sukarelawan. Tambahan pula menurut Grossman dan Furano (2000), penyeliaan dan pemantauan adalah penting untuk memastikan kesediaan sukarelawan. Penyeliaan dan sokongan yang berterusan juga dapat memastikan sukarelawan tidak menia-siakan masa, memperkukuhkan kemahiran yang lemah dan menggunakan keupayaan sukarelawan dengan sepenuhnya (Grossman & Furano, 2000). Sukarelawan yang diiktiraf adalah sukarelawan yang terlibat dalam perancangan bantuan bencana, aktiviti kesediaan dan latihan (Barbour & Manly, 2016). Oleh itu, Kaya et al., (2014), menyatakan dalam usaha meningkatkan nisbah kesediaan bahaya bencana, penyediaan sijil selepas latihan pendidikan dianggap sebagai langkah berkesan. Tambahan pula sukarelawan dalam kajian Kreutzer dan Jager (2011), turut menyatakan adalah satu kepentingan untuk sukarelawan dihargai dan diiktiraf atas pencapaian yang dilakukan. Walau bagaimanapun, pengiktirafan dalam bentuk ganjaran akan mengubah ciri penting dalam makna dan amalan asal kerja sukarela (International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies, 2015). Oleh itu, organisasi perlu bijak mengenalpasti bentuk pengiktirafan yang sebenar agar makna dan amalan kerja sukarela tidak diketepikan memandangkan amalan asal sukarelawan adalah membantu tanpa mengharapkan ganjaran.

Penilaian Program Sukarelawan

Sesi penilaian bertujuan untuk mengenalpasti kelemahan yang perlu diperbaiki dan disemak semula manakala kelebihan tindakbalas disimpan untuk kegunaan akan datang (Gebbie & Qureshi, 2002). Sebagaimana yang dinyatakan oleh Perry (2004), melalui latihan yang telah dilaksanakan perancang,

pelatih dan pengurus diberi peluang untuk menilai prestasi kesediaan sukarelawan. Modul latihan kesediaan adalah elemen penting kerana ia mempunyai keupayaan untuk memberi impak yang lebih besar kepada kesediaan bencana (Nik et al., 2014). Tambahan pula, selain daripada pengurusan sokongan dan sikap pelatih, kegagalan latihan juga boleh disebabkan oleh pemilihan pelatih yang kurang baik (Nik et al., 2014). Oleh itu, adalah penting penilaian latihan dilakukan untuk memastikan keberkesanan latihan (Nik et al., 2014). Sukarelawan dalam kajian Brand et al., (2008), menyatakan program latihan dan pendidikan yang interaktif perlu diteruskan dari semasa ke semasa kerana banyak maklumat baru dalam latihan memerlukan penilaian dan kajian.

Sebagai kesimpulan kepada lima elemen kesediaan sukarelawan yang dinyatakan, sukarelawan yang mempunyai kesediaan yang baik bukan sahaja jelas dengan jangkaan yang bakal mereka lalui tetapi juga yakin bahawa apa yang mereka berikan atau sumbangkan adalah sesuatu yang bernilai dan bermakna. Selain itu, komitmen pelaburan yang stabil daripada kerajaan diperlukan untuk kesediaan bencana (Inglesby, 2011). Tambahan pula, pelaburan untuk aktiviti latihan kesediaan bencana juga perlu diberikan kepada sukarelawan melalui latihan dan pendidikan yang berterusan (Brand et al., 2008). Selain itu, organisasi perlu sedar sekiranya perancangan bencana dilakukan tanpa melibatkan sukarelawan dan ketua organisasi ia akan menyebabkan manfaat dan jangkaan organisasi tidak mampu diberikan secara berterusan kepada komuniti (Culp, Eastwood, Turner, & Knight, 2015).

Kesimpulan

Organisasi sukarelawan dan agensi kerajaan memainkan peranan penting ketika berlakunya bencana. Manakala sukarelawan merupakan elemen penting yang mempengaruhi matlamat dan perkhidmatan sesebuah organisasi. Keperluan sukarelawan yang telah dinyatakan memerlukan penilaian dan keutamaan kepada organisasi sukarelawan untuk meningkatkan kesediaan sukarelawan sebelum melibatkan diri dalam bantuan bencana manakala setiap permasalahan sukarelawan perlu dikenalpasti dan diatasi sebagai langkah menghasilkan sukarelawan yang lebih bersedia, efektif dan berkualiti. Oleh itu, adalah penting keperluan sukarelawan bencana dikenalpasti bagi membantu meningkatkan kesiapsiagaan sukarelawan serta meningkatkan keberkesanan sepanjang proses bantuan diberikan kepada mangsa bencana. Selain itu, pengkaji mengharapkan agar kajian akan datang memberi fokus kepada aspek kesukarelawan yang menjadi rungutan dikalangan sukarelawan dari sudut kualiti persediaan dan latihan serta tugas.

Rujukan

- Adams, L. M. (2007). Mental health needs of disaster volunteers: A plea for awareness. *Perspectives in Psychiatric Care*, 43(1), 52-54. doi:10.1111/j.1744-6163.2007.00107.x
- Agensi pengurusan bencana. (2017). Retrieved from <http://portalbencana.ndcc.gov.my/portal>
- Assanangkornchai, S., Tangboonngam, S.-n., & Edwards, J. G. (2004). The flooding of Hat Yai: Predictors of adverse emotional responses to a natural disaster. *Stress and Health*, 20, 81-89. doi:10.1002/smi.999
- Atsumi, T., & Goltz, J. D. (2014). Fifteen years of disaster volunteers in japan: A longitudinal fieldwork assessment of a disaster non-profit organization. *International Journal of Mass Emergencies and Disasters*, 32(1), 220-240.
- Azrina, S. (2016). An overview of the participation of community and faith-based organisations (fbo) in disaster preparedness in Malaysia. *Journal of Islam and the Contemporary*, 9, 87-111.
- Barbour, J. B., & Manly, J. N. (2016). Redefining disaster preparedness: Institutional contradictions and praxis in volunteer responder organizing. *Management Communication Quarterly*, 30(3), 333-361. doi:10.1177/0893318916629101
- Brand, M. W., Kerby, D., Elledge, B., Burton, T., Coles, D., & Dunn, A. (2008). Public health's response: citizens' thoughts on volunteering. *Disaster Prevention and Management: An International Journal*, 17(1), 54-61. doi:10.1108/09653560810855874
- Brooks, S. K., Dunn, R., Sage, C. A. M., Amlot, R., Greenberg, N., & Rubin, G. J. (2015). Risk and resilience factors affecting the psychological wellbeing of individuals deployed in humanitarian

- relief roles after a disaster. *Journal of Mental Health*, 24(6), 385-413. doi:10.3109/09638237.2015.1057334
- Carlile, J. A., Mauseth, K., Clark, N. E., Cruz, J. L., & Thoburn, J. W. (2014). Local volunteerism and resilience following large-scale disaster: Outcomes for health support team volunteers in haiti. *International Journal Disaster Risk Science*, 5(3), 206-213. doi:10.1007/s13753-014-0028-z
- Cristea, L. A., Legge, E., Prospero, M., Guazzelli, M., David, D., & Gentili, C. (2014). Moderating effects of empathic concern and personal distress on the emotional reactions of disaster volunteers. *Disasters*, 38(4), 740-752. doi:10.1111/disa.12075
- Culp, K., Eastwood, C., Turner, S., & Knight, K. (2015). *Mobilizing members, volunteers and leaders in community organizations: Calling the group to action* Retrieved from University of Kentucky UKnowledge: http://uknowledge.uky.edu/ced_reports/5
- David, J., Julia, B., & Douglas, P. (2012). Multi-agency community engagement during disaster recovery Lessons from two New Zealand earthquake events. *Disaster Prevention and Management: An International Journal*, 21(2), 252-268. doi:10.1108/09653561211220034
- Dobashi, K., Nagamine, M., Shigemura, J., Tsunoda, T., Kunio, Shimizu, . . . Nomura, S. (2014). Psychological effects of disaster relief activities on Japan ground self-defense force personnel following the 2011 great east Japan earthquake (Publication no. <http://dx.doi.org/10.1521/psyc.2014.77.2.190>). from Krisalis Discovery
- Gebbie, K. M., & Qureshi, K. (2002). Emergency and disaster preparedness *The American Journal of Nursing*, 102(1), 46-51. doi:10.1097/0000446-200201000-00023
- Goodman, A., & Black, L. (2015). The challenge of allocating scarce medical resources during a disaster in a low income country: A case study from the 2010. *Palliative Medicine And Hospice Care*, 1(1), 24-29. doi:<http://dx.doi.org/10.17140/PMHCOJ-1-105>
- Grossman, J. B., & Furano, K. (2000). Making the most of volunteers. *Law and Contemporary Problems*, 62(4), 199-218. doi:<http://scholarship.law.duke.edu/lcp/vol62/iss4/10>
- Hager, M. A., & Brudney, J. L. (2004). *Volunteer Management Practices and Retention of Volunteers*. Retrieved from The Urban Institute: <http://webarchive.urban.org/publications/411005.html>
- Hughes, W. R. (2016). Understanding Disaster Relief. In C. M. Brackette (Ed.), *Professionnal Counseling Programs (Disaster Relief ed., pp. 13)*. Mercer University: Mercer University. Retrieved from <http://hdl.handle.net/10898/3689>.
- Ibrahim, M. S., & Fakhru'l-Razi, A. (2006). Disaster types in Malaysia: An overview. *Disaster Prevention and Management Journal*, 15(2), 286-298. doi:DOI 10.1108/09653560610659838
- Inglesby, T. V. (2011). Progress in disaster planning and preparedness since 2001. *Commentary*, 306(12), 1372-1373. doi:10.1001/jama.2011.1359
- International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies. (2015). *Global review on volunteering report*. Retrieved from International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies, Geneva.
- Kako, M., & Ikeda, S. (2009). Volunteer experiences in community housing during the Great Hanshin-Awaji Earthquake, Japan. *Nursing and Health Sciences*, 11, 357-359. doi:10.1111/j.1442-2018.2009.00484.x
- Kaya, H., Cavusoglu, A., Sen, B., & Calik, E. (2014). Disaster management and disaster preparedness: Examples of practices in california and turkey. *Turkish Online Journal of Science & Technology*, 4(4), 36-47. doi:<http://connection.ebscohost.com/c/articles/98885164/disaster-management-disaster-preparedness-examples-practices-california-turkey>
- Kreutzer, K., & Jager, U. (2011). Volunteering versus managerialism: Conflict over organizational identity in voluntary associations. *nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 40(4), 634-661. doi:10.1177/0899764010369386
- Lammers, J. C., & Barbour, J. B. (2006). An institutional theory of organizational communication. *Communication Theory*, 16(3), 356-377. doi:10.1111/j.1468-2885.2006.00274.x
- Majlis Keselamatan Negara. (2008).
- McEntire, D. A. (2015). *Disaster Response and Recovery: Strategies and Tactics for Resilience* (pp. 1-143).doi:https://books.google.com.my/books?id=FQd9BgAAQBAJ&printsec=frontcover&source=gbs_ge_summary_r&cad=0#v=onepage&q&f=false
- Merchant, R. M., Leigh, J. E., & Lurie, N. (2010). Health care volunteers and disaster response: First, be prepared. *The New England Journal of Medicine*, 362, 872-873. doi:10.1056/NEJMp1001737

- Meyer, M. A., Unnithan, N. P., Coskun, R., Gurley, J. T., & Hoffer, K. H. (2016). Planning for diversity: Evaluation of a volunteer disaster response program. *Journal of Cultural Diversity*, 23(3), 106-113.
- Michel, L. M. (2007). Personal responsibility and volunteering after a natural disaster: The case of hurricane Katrina. *Sociological Spectrum*, 27(6), 633-652. doi:10.1080/02732170701533855
- Nik, N. N. N. N., Sapora, S., & Husni, M. R. (2014). Analysis of training needs in disaster preparedness. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 140, 576-580. doi:https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.473
- Norizan, Y. (2016). Pengurusan elemen psikologikal sebagai persediaan menghadapi bencana: Satu kajian kualitatif terhadap mangsa banjir di Kelantan (management of psychological elements as preparation in facing disasters: A qualitative study of flood victims in Kelantan). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30(2), 74-81.
- Okanoya, J., Kimura, R., Mori, M., Nakamura, S., Somemura, H., Sasaki, N., . . . Tanaka, K. (2005). Psychoeducational intervention to prevent critical incident stress among disaster volunteers. <http://mlib.kitasato-u.ac.jp/homepage/ktms/kaishi/pdf/KMJ45-1/KMJ45-1p062-068.pdf>
- Pascapurnama, D. N., Hattori, T., Sasaki, H., Murakami, A., Yasutan, H. C., & Egawa, S. (2016). Prevention of tetanus outbreak following natural disaster in Indonesia: Lessons learned from previous disasters. *The Tohoku Journal Of Experimental Medicine*, 238(3), 219-277. doi:10.1620/tjem.238.219
- Perry, R. W. (2004). Disaster exercise outcomes for professional emergency personnel and citizen volunteers. *Journal Of Contingencies And Crisis Management*, 12(2), 64-75.
- Perry, R. W., & Lindell, M. K. (2003). Preparedness for Emergency Response: Guidelines for the Emergency Planning Process. *Disaster*, 27(4), 336-350. doi: 10.1111/j.0361-3666.2003.00237.x
- Rabiei, A., Nakhaee, N., & Pourhosseini, S. s. (2014). Shortcomings in dealing with psychological effects of natural disasters in Iran. *Iranian Journal Public Health*, 43(8), 1132-1138. doi:http://ijph.tums.ac.ir
- Rogstadius, J., Karapanos, E., Teixeira, C., & Kostakos, V. (2013). *An introduction for system developers to volunteer roles in crisis response and recovery* Paper presented at the 10th International ISCRAM Conference, Baden-Baden, Germany.
- Seeger, M. W. (2006). Best practices in crisis communication: An expert panel process. *Journal of Applied Communication Research*, 34(3), 232-244. doi:10.1080/00909880600769944
- Segovia, N. (2016). A Reflection on Disaster Relief. In C. M. Brackette (Ed.), *Professional Counseling Programs (Disaster Relief ed., pp. 20)*. Mercer University: Mercer University. Retrieved from <http://hdl.handle.net/10898/3689>.
- Shazwani, S., & Mohamad, S. K. (2016). *Flood disaster management in Malaysia: A review of issues of flood disaster relief during and post-disaster*. Paper presented at the International Soft Science Conference.
- Sloand, E., Ho, G., Klimmek, R., Pho, A., & Kub, J. (2012). Nursing children after a disaster: A qualitative study of nurse volunteers and children after the Haiti earthquake. *Journal for Specialists in Pediatric Nursing*, 17, 242-253. doi:10.1111/j.1744-6155.2012.00338.x
- Thormar, S. B., Gersons, B. P. R., Juen, B., Djakababa, M. N., Karlsson, T., & Olff, M. (2013). Organizational factors and mental health in community volunteers. The role of exposure, preparation, training, tasks assigned, and support. *Anxiety, Stress, & Coping An International Journal*, 26(6), 624-642. doi:10.1080/10615806.2012.743021
- Thormara, S. B., Gersonsb, B. P. R., Juenc, B., Djakababad, M. N., Karlssone, T., & Olffb, M. (2014). The impact of disaster work on community volunteers: The role of peri-traumatic distress, level of personal affectedness, sleep quality and resource loss, on post-traumatic stress disorder symptoms and subjective health. *Journal of Anxiety Disorders*, 28, 971-977. doi:http://dx.doi.org/10.1016/j.janxdis.2014.10.006
- Tillman, F. (2016). Picking Up the Pieces: The Role of the Counselor in Disaster Relief. In C. M. Brackette (Ed.), *Professional Counseling Programs (Disaster Relief ed., pp. 4)*. Mercer University Research Scholarship and Archives: Mercer University Retrieved from <http://hdl.handle.net/10898/3689>.
- Wildes, R., Kayden, S., Goralnick, E., Niescierenko, M., Aschkenasy, M., Kemen, K. M., . . . Cranmer, H. (2014). RESPONDER TOOLS Sign Me Up: Rules of the Road for Humanitarian

Volunteers During the Ebola Outbreak. *Disaster Medicine and Public Health Preparedness*, 1-2. doi:10.1017/dmp.2014.110